

# Hubungan dua hala Malaysia- Thailand semakin kukuh

Daripada Manja Ismail **BH** 11 FEB 2000

BANGKOK, Khamis – Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Thailand semakin kukuh sejak kedua-dua negara mengalami kelembapan ekonomi, kata Duta Malaysia di sini, Datuk Syed Ariff Fadzillah Awaluddin.

Beliau berkata, kalau sebelum itu hubungan kedua-dua negara lebih terhad dalam menyelesaikan isu politik dan keselamatan, ia kini lebih menumpukan perhatian kepada ekonomi dan perdagangan.

Sejak kegawatan ekonomi, pegawai kedua-dua negara lebih banyak menumpukan perhatian ke arah menerokai potensi dalam bidang ekonomi dan perdagangan, khususnya pemprosesan makanan dan pertanian.

“Kedua-dua negara berpendapat rangka kerjasama menerusi Segitiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMTGT) menyediakan pelbagai peluang dalam bidang itu.

“Sebelum kegawatan ekonomi, Malaysia dan Thailand lebih banyak menjalin hubungan perdagangan dengan negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun,” katanya.

Beliau memberitahu pemberita Malaysia yang berada di sini untuk membuat liputan sesi ke-10 Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD X), bermula lusa.

Jumlah perdagangan ke-

dua-dua negara tahun ini dijangka meningkat kepada AS\$5 bilion, berbanding antara AS\$3 hingga AS\$4 bilion (RM11.4 hingga RM12 bilion) sebelum itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di sini petang esok dan akan berucap pada sidang pleno selepas perasmian UNCTAD X di Pusat Persidangan Queen Sirikit, lusa.

Setibanya di sini, Perdana Menteri akan merasmikan kompleks baru Kedutaan Malaysia di South Sathorn Road.

Dr Mahathir juga dijadualkan menghadiri perbincangan di antara ketua-ketua negara Asean dengan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan dan ketua-ketua organisasi utama badan dunia itu pada Sabtu ini.

Syed Ariff berkata, kompleks baru Kedutaan Malaysia yang akan dirasmikan oleh Dr Mahathir adalah simbol kerjasama lebih erat di antara Malaysia dan Thailand.

Ini kerana kompleks di tapak seluas kira-kira 2.4 hektar milik Malaysia itu dimajukan secara usahasama di antara firma Thailand, Siam Syntech dan syarikat Malaysia, Percom Bhd.

Kedutaan yang mempunyai 70 kakitangan termasuk 40 rakyat Thailand itu, dikatakan antara misi terbesar Malaysia di luar negara dari segi keluasan dan kakitangan, selepas Tokyo dan Seoul.